

## Dasar Privasi Dan Notis Amalan Maklumat (Malaysia)

Dikemas kini pada: 17 Disember, 2021

BioMarin Pharmaceutical Inc. (“BioMarin,” atau “kami”) menghormati privasi pelawat-pelawat ke mana-mana laman web dan perkhidmatan dalam talian kami dan menghargai keyakinan yang diberi oleh mana-mana pelanggan, rakan kongsi, pesakit dan pekerja kami.

Dasar Privasi Dan Notis Amalan Maklumat ini (“Notis Privasi”) menyatakan amalan-amalan BioMarin mengenai pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi yang mungkin anda berikan melalui mana-mana laman web dan perkhidmatan dalam talian yang kami kendalikan dan yang memautkan kepada Notis Privasi ini, serta melalui mana-mana perkhidmatan luar talian kami yang merujuk kepada Notis Privasi ini (secara kolektif, “Perkhidmatan-perkhidmatan”). Sila baca keseluruhan Notis Privasi sebelum menggunakan Perkhidmatan-perkhidmatan kami.

Penduduk California, sila lihat notis khusus CCPA kami di bahagian bawah notis ini.

### Pengumpulan Maklumat Peribadi

Kami mungkin meminta anda untuk beberapa atau semua jenis maklumat peribadi yang berikut apabila anda mendaftar dengan Perkhidmatan-perkhidmatan kami, mengakses pelbagai kandungan atau ciri, mengemukakan gambar-gambar dan kandungan lain, atau menghubungi kami secara langsung dengan soalan-soalan atau maklum balas:

- Maklumat hubungan, seperti nama, alamat e-mel, alamat pos dan nombor telefon;
- Nama pengguna dan kata laluan;
- Maklumat demografi, seperti maklumat umur dan jantina;
- Pilihan-pilihan komunikasi;
- Pertanyaan-pertanyaan carian;
- Apa-apa cerita, ulasan, foto dan maklumat lain yang dimuatnaik dalam ciri-ciri dalam talian interaktif kami; dan
- Surat-menyurat dan maklumat lain yang anda hantar kepada kami.

Sekiranya anda tidak memberikan apa-apa maklumat peribadi yang dinyatakan sebagai wajib kepada kami semasa kami mengumpulnya (contohnya, dalam borang pengumpulan data dalam talian), kami mungkin tidak dapat berkomunikasi dengan anda atau menyediakan Perkhidmatan-perkhidmatan, produk-produk atau ciri-ciri tertentu kepada anda.

Kami juga mungkin mengumpul maklumat peribadi tertentu secara automatik semasa anda melawati Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, termasuk:

- Jenis pelayar dan sistem pengendalian anda;
- Alamat Protokol Internet (IP) anda, iaitu nombor yang diberikan secara automatik kepada komputer anda apabila anda mengakses Internet dan yang kadangkala boleh digunakan untuk memperoleh kawasan geografi umum anda;
- Pengenal-pengenal unik lain, termasuk nombor-nombor pengenalan peranti mudah alih;
- Laman-laman yang anda lawati sebelum dan selepas melawat Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut;

- Halaman-halaman yang anda lihat dan pautan-pautan yang anda klik dalam Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut;
- Maklumat yang dikumpul melalui apa-apa kuki, bikon web (web beacons) dan teknologi lain;
- Maklumat mengenai interaksi-interaksi anda dengan mesej-mesej e-mel, seperti pautan-pautan yang diklik dan sama ada mesej-mesej tersebut telah dibuka atau dikirimkan semula; dan
- Maklumat log pelayan standard.

Kami mungkin menggunakan apa-apa kuki, tag piksel (pixel tags) dan teknologi serupa untuk mengumpul maklumat ini secara omputer. Kuki-kuki adalah cebisan-cebisan maklumat kecil yang disimpan oleh pelayar web omputer anda. Tag-tag piksel (pixel tags) adalah imej-imej yang sangat kecil atau cebisan-cebisan kecil data yang dibenamkan dalam imej-imej, juga dikenali sebagai “bikon web”(web beacons) atau “GIF jelas,” yang boleh mengecam kuki-kuki, masa dan omput halaman dilihat, perihalan halaman di mana tag piksel (pixel tag) tersebut diletakkan dan maklumat serupa daripada omputer atau peranti anda. Anda boleh memutuskan sama ada dan cara omputer anda akan menerima kuki dengan mengkonfigurasi (configuring) pilihan-pilihan anda dalam pelayar anda. Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk menolak kuki-kuki, anda mungkin tidak boleh menggunakan mana-mana produk, perkhidmatan atau ciri dalam talian tertentu dalam Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

### **Tindak Balas kepada Isyarat-isyarat “Jangan Jejak” (“Do Not Track”)**

Terdapat beberapa pelayar Internet yang berkeupayaan untuk menghantar Isyarat-isyarat "Jangan Jejak" ("Do Not Track"). Memandangkan standard-standard seragam untuk Isyarat-isyarat "Jangan Jejak" ("Do Not Track") masih belum diterima pakai (adopted), BioMarin tidak memproses atau bertindak balas kepada Isyarat-isyarat "Jangan Jejak" ("Do Not Track").

### **Penggunaan Maklumat Peribadi**

Asas undang-undang kami untuk memproses maklumat peribadi anda termasuk pemprosesan yang diperlukan untuk kepentingan-kepentingan perniagaan yang sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada contoh-contoh yang berikut:

- Menyediakan apa-apa produk, promosi, perkhidmatan dan maklumat yang anda minta untuk anda;
- Menghubungi anda melalui e-mel dan selainnya mengenai apa-apa produk, perkhidmatan dan acara yang kami merasakan mungkin akan menarik minat anda (dengan persetujuan anda jika diperlukan oleh undang-undang yang terpakai);
- Mengekalkan atau mentadbir Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, melaksanakan analisis-analisis perniagaan, atau untuk tujuan-tujuan dalaman lain untuk memperbaiki kualiti perniagaan kami, Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dan apa-apa produk dan perkhidmatan lain yang kami tawarkan;
- Menerbitkan mana-mana cerita, komen, gambar dan maklumat lain yang dimuatnaik dalam ciri-ciri dalam talian interaktif kami;
- Memproses permohonan-permohonan dan pertanyaan-pertanyaan pekerjaan; dan
- Menyesuaikan dan memperibadikan penggunaan Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut oleh anda.

Kami juga mungkin memproses maklumat peribadi anda untuk mematuhi kewajipan undang-undang kami, melaksanakan suatu kontrak antara kami dan anda, menubuhkan dan membela sebarang tuntutan undang-undang, dan dalam sesetengah kes asas kami untuk pemprosesan adalah kerana anda telah memberikan persetujuan kepada penggunaan maklumat peribadi anda oleh kami.

Kami akan mendapatkan persetujuan anda untuk memproses maklumat peribadi anda jika kami diperlukan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang yang terpakai, dan sekiranya kami ingin menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

### **Perkongsian Maklumat Peribadi**

Kami komited untuk mengekalkan kepercayaan anda, dan kami ingin anda memahami bila dan dengan siapa kami mungkin berkongsi maklumat peribadi yang kami kumpulkan.

- *Syarikat-syarikat Induk ("Corporate Parents") dan Ahli-ahli Gabungan.* Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dengan syarikat-syarikat induk ("corporate parents") dan entiti-entiti gabungan lain kami untuk pelbagai tujuan, termasuk tujuan-tujuan perniagaan, operasi dan pemasaran. Untuk maklumat lanjut tentang entiti-entiti tersebut, lihat [www.biomarin.com/contact](http://www.biomarin.com/contact).
- *Pembekal-pembekal Perkhidmatan.* Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dengan pembekal-pembekal perkhidmatan yang melaksanakan fungsi-fungsi atau perkhidmatan-perkhidmatan tertentu bagi pihak kami menurut tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini (seperti untuk menjadi hos (host) Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, mengurus pangkalan-pangkalan data, melaksanakan analisis-analisis atau menghantar komunikasi-komunikasi untuk kami).
- *Pihak-pihak Lain Apabila Diperlukan Oleh Undang-Undang atau seperti Perlu untuk Melindungi Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.* Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga untuk: melindungi hak-hak undang-undang, keselamatan BioMarin, syarikat-syarikat induk ("corporate parents") dan ahli-ahli gabungan kami, dan pengguna-pengguna Perkhidmatan-perkhidmatan kami; menguatkuasakan Terma-terma Penggunaan kami; mencegah penipuan (atau untuk tujuan-tujuan pengurusan risiko); dan mematuhi dengan atau bertindak balas kepada penguatkuasaan undang-undang, atau proses undang-undang, atau suatu permintaan untuk kerjasama oleh suatu entiti kerajaan, di mana-mana sahaja di dunia, sama ada diperlukan di sisi undang-undang atau tidak.
- *Berkenaan Dengan Suatu Pemindahan Aset-aset.* Sekiranya kami menjual semua atau sebahagian daripada perniagaan kami, atau membuat penjualan atau pemindahan aset-aset, atau selainnya terlibat dalam penggabungan atau pemindahan perniagaan, atau sekiranya berlaku kebangkrutan, kami mungkin akan memindahkan maklumat peribadi anda kepada satu atau lebih pihak-pihak ketiga sebagai sebahagian daripada transaksi tersebut.
- *Maklumat Agregat.* Kami mungkin mendedahkan maklumat yang tidak menerangkan atau mengenal pasti pengguna-pengguna individu, seperti data penggunaan laman web agregat atau laporan demografi kepada pihak-pihak ketiga.

Kami akan mendapatkan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat peribadi anda jika kami diperlukan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang yang terpakai.

Kami mungkin membenarkan pihak-pihak ketiga untuk meletakkan dan membaca mana-mana kuki, bicon web (web beacons), Objek-objek Kongsi Tempatan (Local Shared Objects) dan teknologi serupa mereka sendiri untuk mengumpul maklumat melalui Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Sebagai contoh, pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami mungkin menggunakan teknologi-teknologi ini untuk mengumpul maklumat yang membantu kami dengan pengukuran trafik, penyelidikan dan analitik (analytics). Objek-objek Kongsi Tempatan (Local Shared Objects) (kadangkala dirujuk sebagai "Kuki Kilat" ("Flash Cookies")) adalah serupa dengan

kuki-kuki standard kecuali mereka boleh menjadi lebih besar dan dimuat turun ke sebuah komputer atau peranti mudah alih oleh pemain media Adobe Flash. Sila ambil perhatian bahawa anda mungkin perlu mengambil langkah-langkah tambahan selain menukar tetapan-tetapan pelayar anda untuk menolak atau melumpuhkan Objek-objek Kongsi Tempatan (Local Shared Objects) dan teknologi-teknologi yang serupa. Contohnya, Objek-objek Kongsi Tempatan (Local Shared Objects) boleh dikawal melalui arahan-arahan dalam halaman Pengurus Tetapan Adobe. Sekiranya anda memilih untuk menolak, melumpuhkan atau memadamkan teknologi-teknologi ini, sesetengah fungsi Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut mungkin tidak lagi tersedia untuk anda.

### **Perkhidmatan-perkhidmatan Rangkaian Sosial**

BioMarin telah bekerjasama dengan pembekal-pembekal media sosial pihak ketiga tertentu untuk menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial mereka kepada anda melalui Perkhidmatan-perkhidmatan kami. Sebagai contoh, anda boleh menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook, Twitter dan lain-lain, untuk berkongsi maklumat tentang pengalaman anda dalam Perkhidmatan-perkhidmatan kami dengan rakan-rakan dan pengikut-pengikut anda dalam perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial tersebut. Perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial ini mungkin boleh mengumpul maklumat peribadi mengenai anda, termasuk aktiviti anda dalam Perkhidmatan-perkhidmatan kami. Perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial pihak ketiga ini juga mungkin memberitahu rakan-rakan anda, dalam Perkhidmatan-perkhidmatan kami dan dalam perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial tersebut sendiri, bahawa anda merupakan pengguna Perkhidmatan-perkhidmatan kami atau tentang penggunaan Perkhidmatan-perkhidmatan kami oleh anda, menurut undang-undang yang terpakai dan dasar-dasar privasi mereka sendiri. Sekiranya anda memilih untuk mengakses atau menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial pihak ketiga, kami mungkin menerima maklumat peribadi mengenai anda yang telah anda menjadikan tersedia untuk perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial tersebut, termasuk maklumat tentang kenalan-kenalan anda dalam perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian sosial tersebut.

### **Keselamatan dan Penyimpanan**

Kami mengambil langkah-langkah yang praktikal untuk mengekalkan langkah-langkah keselamatan yang munasabah untuk membantu melindungi daripada kehilangan, salah guna atau akses, pendedahan, pemprosesan, penggunaan, perubahan atau pemusnahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja maklumat peribadi yang anda berikan melalui Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Walau bagaimanapun, tiada penghantaran data melalui Internet atau yang disimpan dalam pelayan boleh dijamin selamat 100%. Akibatnya, meskipun kami berusaha untuk melindungi maklumat peribadi dan privasi anda, kami tidak dapat menjamin keselamatan sebarang maklumat yang anda dedahkan atau hantar kepada kami dalam talian dan kami tidak boleh bertanggungjawab untuk kecurian, pemusnahan, atau pendedahan tidak sengaja maklumat peribadi anda. Sekiranya kami percaya bahawa keselamatan maklumat peribadi anda mungkin telah dikompromi (compromised), kami akan berusaha untuk memberikan notis yang sesuai kepada anda secepat mungkin, termasuk melalui e-mel, mengikut undang-undang yang terpakai.

Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan kata laluan akaun anda dan untuk sebarang akses kepada atau penggunaan Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut menggunakan kata laluan anda, sama ada dibenarkan atau tidak oleh anda. Sila maklumkan kepada kami dengan serta-merta tentang sebarang penggunaan kata laluan atau akaun anda yang tidak dibenarkan atau sebarang pelanggaran keselamatan lain.

Maklumat peribadi anda akan disimpan hanya selama yang semunasabahnya perlu untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini, mengikut undang-undang yang terpakai.

## **Privasi Kanak-kanak dan Orang Bawah Umur**

BioMarin menghormati privasi kanak-kanak, dan kami komited untuk mematuhi undang-undang yang terpakai, termasuk Akta Perlindungan Privasi Dalam Talian Kanak-kanak AS (COPPA) dan Akta Perlindungan Data Umum Kesatuan Eropah (EU) (GDPR). Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut tidak mengumpul, menggunakan atau mendedahkan maklumat peribadi secara sengaja (knowingly) daripada mereka yang berumur bawah 18 tahun (termasuk kanak-kanak) tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaga yang sah terlebih dahulu, kecuali sepertimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan mengenai amalan-amalan maklumat kami berkenaan dengan kanak-kanak, sila hubungi kami menggunakan borang yang terdapat [di sini](#).

Hak-hak anda di bawah undang-undang yang terpakai, bergantung pada tempat tinggal anda, mungkin termasuk hak untuk menyemak, memadamkan atau menghentikan pengumpulan lanjutan maklumat peribadi anak anda. Sekiranya anda ingin membuat permintaan sedemikian, sila hubungi kami menggunakan borang yang terdapat [di sini](#).

## **Pilihan-pilihan Anda dan Maklumat Peribadi Anda**

Sekiranya pada bila-bila masa anda ingin berhenti menerima apa-apa e-mel atau komunikasi lain daripada kami, ingin menarik balik persetujuan anda (jika diberikan) kepada atau selainnyaengehadkan pemrosesan maklumat peribadi anda oleh kami, atau sekiranya anda telah mengemukakan maklumat peribadi melalui Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dan ingin maklumat tersebut dipadamkan daripada rekod kami, sila gunakan oring yang terdapat [di sini](#) untuk memberitahu kami, dan kami akan memproses permintaan tersebut mengikut undang-undang yang terpakai.

Hak-hak anda di bawah undang-undang yang terpakai, bergantung pada tempat tinggal anda, mungkin termasuk hak untuk membantah atau meminta untuk pembatasan pemrosesan maklumat peribadi anda, dan untuk meminta akses kepada, pembedahan, pemadaman dan/atau kemudahan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh BioMarin, dan anda boleh membuat permintaan sedemikian dengan menghubungi kami dengan melengkapkan oring yang terdapat [di sini](#).

Anda juga mungkin mempunyai hak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data yang berkaitan sekiranya anda percaya bahawa penggunaan maklumat peribadi anda oleh kami melanggar undang-undang yang terpakai.

## **Pemindahan-pemindahan Antarabangsa**

Sesetengah pihak-pihak yang kami dedahkan maklumat peribadi anda kepada terletak di negara-negara atau bidang kuasa-bidang kuasa yang mungkin tidak memberikan tahap perlindungan data yang sama seperti negara/bidang kuasa asal anda. Kami mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa penerima-penerima maklumat peribadi anda sedemikian terikat dengan kewajipan-kewajipan kerahsiaan, dan BioMarin melaksanakan langkah-langkah (seperti klausa-klausa kontrak perlindungan data standard EU untuk data EU), untuk memastikan bahawa sebarang maklumat peribadi yang dipindahkan kekal dilindungi dan selamat mengikut standard yang setaraf dengan standard di negara atau bidang kuasa di mana anda tinggal atau bekerja.

## **Pautan-pautan kepada Kandungan Pihak Ketiga**

Sebagai kemudahan kepada pelawat-pelawat kami, Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut mungkin memaut ke beberapa laman, perkhidmatan dan kandungan lain yang dikendalikan dan diselenggara oleh pihak-pihak ketiga. Pihak-pihak ketiga ini beroperasi secara berasingan daripada kami, dan kami tidak mengawal amalan-amalan privasi mereka. Pautan-pautan sedemikian tidak membentuk pengendorsan oleh BioMarin terhadap kandungan atau orang-orang atau ntity-entiti yang berkaitan dengannya. Notis Privasi ini tidak terpakai kepada kandungan pihak ketiga. Kami menggalakkan anda menyemak dasar-dasar privasi mana-mana pihak ketiga sebelum anda memberikan maklumat peribadi kepada mereka.

## **Kemas kini-kemas kini Dasar**

Notis Privasi ini mungkin disemak dari semasa ke semasa apabila kami menambah ciri-ciri dan perkhidmatan-perkhidmatan baru, apabila undang-undang berubah, dan apabila amalan-amalan terbaik privasi dan keselamatan industri berkembang. Kami memaparkan tarikh berkuat kuasa dalam polisi di penjuru kiri sebelah atas Notis Privasi ini bagi memudahkan anda untuk mengetahui apabila terdapat perubahan. Sekiranya kami membuat sebarang perubahan material pada Notis Privasi ini mengenai penggunaan atau pendedahan maklumat peribadi, kami akan memberikan notis terlebih dahulu melalui Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dan meminta persetujuan anda terhadap perubahan tersebut jika kami diperlukan untuk berbuat demikian oleh undang-undang yang terpakai. Perubahan kecil atau perubahan-perubahan yang tidak menjejaskan kepentingan-kepentingan privasi individu secara nyata boleh dibuat pada bila-bila masa dan tanpa notis awal.

Notis Privasi ini mungkin diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain. Sekiranya berlaku sebarang konflik atau percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

## **Hubungi Kami**

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau aduan tentang Notis Privasi ini, anda boleh menghubungi kami menggunakan borang yang terdapat [di sini](#) atau di:

Simon Goodfellow  
Pengarah dan Penasihat Pematuhan  
BioMarin Pharmaceutical Inc.  
105 Digital Drive  
Novato, CA 94949  
Telefon: (415) 506-6700